

KONTROVERSI LOTERI KEBAHAKKAN MASYARAKAT
DI ANTARA 1958 - 1960 MELALUI AKHBAR
UTUSAN MELAYU

OLINE

AMIN ZAKI BIN MOHAMMAD YUSOF
(NO. MATRIK 23069)

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH	MUKASURAT
LATAR BELAKANG	1
BAB 1 PENUBUHAN LEMBAGA LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT	4
2 SUMBANGAN LEMBAGA LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT	8
3 KONTROVERSI TERHADAP LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT	14
PENUTUP	40
LAMPIRAN 1 SOCIAL AND WELFARE SERVICES LOTTERIES BOARD ACT 1950-1962 (REVISED - 1981)	
2 ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 1950	
3 ANGGARAN PERBELANJAAN - DARURAT	
4 ANGGARAN PERBELANJAAN - KEBAJIKAN SOSIAL	
5 ANGGARAN PERBELANJAAN - PENDIDIKAN	
6 ANGGARAN PERBELANJAAN - PERUBAHAN DAN KESIHATAN	

RUJUKAN

SEKAPUR SIRIH

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah membantu saya menjayakan kajian ini. Ucapan ini saya tujukan khas kepada Professor Cheah Boon Kheng, selaku Pensyarah dan Penyelaras Kursus HSM 412/4 Dokumen Dalam Sejarah Malaysia yang telah memberi bimbingan kepada saya di dalam menjalankan kajian mengenai tajuk ini. Di samping itu, kepada Encik Abu Shah bin Rahmat, Pengurus Besar, Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat, yang membantu dan membenarkan saya mendapatkan maklumat untuk kajian ini. Tidak lupa juga kepada Puan Chang Siew Lye dan kakitangan perpustakaan USM yang membantu saya mengendalikan microfilm untuk menjalankan kajian ini. Kepada yang berkenaan saya ucapkan terima kasih.

Amin Zaki bin Mohammad Yusof

Mac 1992

LATAR BELAKANG

Loteri Kebajikan Masyarakat telah menjadi isu yang kontroversi sekitar tahun 1958 hingga 1960. Tinjauan melalui akhbar Utusan Melayu dalam jangka waktu tersebut menunjukkan isu yang di timbulkan adalah tertumpu pada soal halal-haramnya loteri dan wang daripada loteri tersebut dari kaca mata Islam dan masyarakat Islam di Tanah Melayu. Akhbar Utusan Melayu yang sangat berpengaruh di kalangan masyarakat Melayu pada masa itu telah memainkan peranan menimbulkan isu tersebut melalui ruangan berita, medan pembaca dan lidah pengarang. Justeru itu, apabila soal yang berkaitan dengan agama dipersoalkan melalui media massa ini, maka masyarakat Melayu secara spontan menunjuk kan reaksi terhadap isu tersebut. Ini kerana mereka menganggap nya sebagai satu isu yang sensitif.

Akhbar ini juga menjadi gelanggang perdebatan di antara golongan yang membidas dan yang mempertahankan kewujudan loteri tersebut. Mereka ini terdiri daripada orang perseorangan, alim- ulama dan ahli Majlis Agama Islam. Pendapat mereka disiarkan

melalui ruangan medan pembaca dan liputan berita. Sementara ruangan lidah pengarang pula membuat ulasan terhadap isu yang diperdebatkan itu. Perdebatan ini semakin hangat apabila pihak yang terlibat cuba mempertahankan pendapat masing-masing melalui akhbar ini.

Golongan yang membidas kegiatan loteri berpendapat bahawa ia adalah sejenis judi. Oleh itu mereka menganggap bahawa kegiatan tersebut adalah haram. Bagi golongan yang mempertahankannya pula berpendapat bahawa ia tidak haram kerana tujuannya adalah untuk membuat kebajikan dan terdapat beberapa ciri yang membezakannya daripada kegiatan judi.

Walaupun ia menjadi isu yang hangat, namun pihak kerajaan sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap loteri tersebut tidak mengeluarkan kenyataan mengenainya. Sebaliknya, mereka seolah-olah membiarkan isu ini diperdebatkan dan mengharapkan ia akan mendapat penyelesaian secara tersendiri kerana secara tidak langsung perkara ini telah membabitkan golongan alim-ulama. Sebagaimana yang dijangkakan golongan ini telah memberi pendapat

dan mengeluarkan fatwa berhubung dengan isu tersebut.

Untuk meninjau kontroversi tersebut, kajian ini akan menyorot kembali penubuhan Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat serta sumbangannya kepada masyarakat. Tumpuan kajian ini adalah kepada liputan akhbar Utusan Melayu di antara 8 April 1958 hingga 4 Ogos 1960 mengenai isu ini.

Ini tidak bermakna bahawa selepas 1960 isu ini telah berakhir. Sebaliknya ia masih diperkatakan walaupun tidak sehangat tahun-tahun sebelumnya. Walaubagaimana pun pada 4 April 1990 barulah ada tanda-tanda yang menunjukkan isu ini akan berakhir ekoran daripada pengumuman Encik Daim Zainuddin, Menteri Kewangan ketika itu, bahawa kegiatan Loteri Kebajikan Masyarakat akan dihentikan mulai bulan September 1990. Tindakan ini dibuat oleh pihak kerajaan akibat desakan berterusan daripada masyarakat Islam dan peranan akhbar Utusan Malaysia yang menimbulkan isu perjudian sehingga berjaya menjadi kempen anti-judi termasuk Loteri Kebajikan Masyarakat.¹

1. S. Jayasankaran, " And the Winner is", dlm. Malaysian Business, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, May 1-15, 1990, ms.49

BAB 1

PENUBUHAN LEMBAGA LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT

Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat ditubuhkan berdasarkan

' The Social and Welfare Services Lotteries Board Ordinance '

bertarikh 11 Disember 1950, yang telah menetapkan bahawa:

" An Act to establish a Social and Welfare Service Lotteries Board, to authorize the promotion by such Board of public Lotteries for social and welfare purpose and the payment of all sums, raised by lotteries into the Consolidated Fund of equivalent sums for purpose specified in the Act, and to provide for other matters incidental thereto ".2

Pernyataan di atas jelas menunjukkan bahawa penubuhan Lembaga

Loteri Kebajikan Masyarakat adalah untuk mendapatkan wang bagi

tujuan sosial dan kebajikan. Tujuan khususnya adalah untuk

"in aid of any named public philanthropic, charitable, religious or educational organisation, institution, body or service, or in carrying out any specified public philanthropic, charitable, religious or educational scheme or project, or any work beneficial to the public, or for the improvement of the social condition or for the advancement of the welfare of the public or any class thereof in some specified way or ways ".3

Di sini ternyata Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat akan

-
2. Laws of Malaysia, Act 252 Social and Welfare Services Lotteries Board Act 1950-1962(Revised 1981), dlm. Warta Kerajaan, Jil.3, No.21, 8 Oktober 1987, ms.5
 3. Social and Welfare Services Lotteries Board Ordinance, dlm. Federation of Malaya Ordinance No.9 of 1950, ms.76

menyumbangkan bantuan melalui wang yang dikumpulkan kepada pihak-pihak seperti yang dijelaskan dalam ordinan tersebut. Bantuan ini biasanya akan diberi melalui permohonan oleh badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan tertentu kepada Lembaga. Ia terbuka kepada semua pihak, tidak mengambil kira bangsa atau agama kerana di dalam ordinan tersebut tidak menetapkan sekatan kepada pertubuhan atau badan-badan kebajikan Islam untuk mendapatkan bantuan daripada Lembaga.

Menurut Muhammad Fadullah Suhaimi pula, tujuan mengadakan loteri adalah:

- i. timbul daripada orang-orang kaya (kapitalis) untuk menambah kan harta mereka tanpa mengeluarkan modal yang banyak.
- ii. sebagai helah yang halus dan licin oleh hartawan supaya mereka tidak perlu mengeluarkan hartanya untuk menderma kepada orang-orang miskin. Sebaliknya orang-orang miskin sendiri yang akan menderma melalui pembelian tiket loteri tersebut.
- iii. sebagai satu jalan beradu nasib dan mendapatkan tuah bagi orang-orang miskin.⁴

Di samping itu, tidak terdapat sebarang kenyataan yang mengatakan

4. Muhammad Fadullah Suhaimi, Masalah Loteri, Penerbit S.N., Singapura, 1959, ms.4

bahawa penubuhan Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat akan mengurangkan beban kerajaan, namun saya berpendapat sedemikian. Harus diingat bahawa waktu penubuhan Lembaga ini negara sedang berada di zaman Darurat. Berdasarkan anggaran perbelanjaan tahun 1950 yang berjumlah \$202,135,928.00, didapati bahawa perbelanjaan untuk darurat mengatasi perbelanjaan bagi bidang-bidang lain.

Catatan berikut menunjukkan peruntukan perbelanjaan darurat berbanding perbelanjaan-perbelanjaan lain(Kebajikan Sosial, Kesihatan dan Pendidikan):

a. Darurat	\$22,559,525.00 ⁵
b. Kebajikan Sosial	\$ 3,463,958.00 ⁶
c. Pendidikan	\$ 4,808,097.00 ⁷
d. Kesihatan/Perubatan	\$ 8,656,909.00 ⁸

Walaupun bagaimanapun, menurut Purcell, pada tahun 1950 kerajaan telah membelanjakan \$136,239,090 untuk pasukan keselamatan menghadapi darurat.⁹ Ini menunjukkan bahawa kerajaan terpaksa memperuntukkan hampir separuh perbelanjaan tahun 1950 itu yang berjumlah \$202,135,928.00 bagi menghadapi darurat terutama dalam soal-soal keselamatan.

-
5. Estimates, 1950: Draft Appendix.Emergency Expenditure, dlm. Federation of Malaya, Estimates of The Federal Revenue and Expenditure for The Year 1950, Federation of Malaya Government Press, Kuala Lumpur, 1949, ms.180
 6. Social Welfare, *ibid*, ms.156
 7. Education, *ibid*, ms.64
 8. Medical and Health, *ibid*, ms.112
 9. Victor Purcell, Malaya: Communist or Free ?, Stanford University Press, Stanford, California, 1955, ms.64

Walaupun peruntukan bagi kebajikan sosial telah ditetapkan di dalam anggaran perbelanjaan pada tahun 1950 itu, keperluan-keperluan yang berkaitan dengannya turut diberi perhatian. Oleh itu langkah kerajaan mewujudkan Loteri Kebajikan memungkinkannya dapat membantu memenuhi keperluan-keperluan yang di luar daripada peruntukan tersebut. Ini adalah kerana kegiatan loteri dapat membantu kerajaan mengumpulkan sejumlah wang daripada orang ramai untuk disumbangkan kepada pihak-pihak yang memerlukan.
